

### **Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd. (SIDEK)**

Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd. (SIDEK) terus menunjukkan prestasi memuaskan pada tahun 2004 berikutan kemampuan Syarikat menyiap dan menyerahkan sejumlah 1,114 unit kediaman mampu milik kepada para pembelinya. Majlis penyerahan yang dilangsungkan pada bulan Mac 2004 ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perak yang telah menyuarakan kepuasan beliau terhadap kualiti produk yang menepati nilai wang yang dibelanjakan. Komitmen untuk mengekalkan tahap piawaian kualiti yang tinggi telah mendorong SIDEK untuk melaksanakan amalan dan prosedur sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2000. SIDEK dijangka akan menerima Pengesahan tersebut pada pertengahan tahun 2005.

Pada tahun ini, SIDEK juga telah melancarkan sebanyak 341 unit rumah teres satu dan dua tingkat. Ia juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran, termasuk skim khas "Beli dan Labur" yang dilancarkan pada bulan Mei 2004, dengan kerjasama American International Assurance Co. Ltd. SIDEK sedang berusaha untuk menarik minat para pelabur supaya melabur di Bandar Seri Iskandar dan kini sedang dalam peringkat akhir untuk memeterai perjanjian usahasama bagi membina sebuah litar lumba di perbandaran tersebut.

Sebagai sebahagian daripada aktiviti khidmat kemasyarakatannya, SIDEK telah menyediakan sebuah taman rekreasi awam seluas 800m x 20m untuk penduduk Bandar Seri Iskandar. Kemudahan di taman yang telah siap pada bulan Mac 2004 ini meliputi sebuah kawasan jogging yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan latihan jasmani, sebuah padang bola dan sebuah taman permainan kanak-kanak yang kini sudah digunakan dengan selesa oleh para penduduk setempat dan penduduk dari kawasan kejiranannya. Selain itu, SIDEK juga sedang membina sebuah surau untuk masyarakat setempat yang akan disiapkan pada bulan Mei 2005. Surau yang boleh menampung seramai 300 orang jemaah itu akan mewujudkan suasana yang harmoni dan kehidupan bermasyarakat yang lebih sempurna di Bandar Seri Iskandar.

### **SIDEC (sambungan)**

SIDEC mengendalikan program pembangunan dan latihan kakitangan secara kerap untuk memastikan kakitangannya sentiasa berdaya maju. Pada tahun ini, beberapa orang kakitangannya telah mengadakan lawatan sambil belajar, melihat dari dekat pembangunan di perbandaran yang dilawati serta bertukar-tukar pandangan dalam bidang berkaitan lanskap, seni bina bangunan dan konsep gaya hidup. SIDEK juga telah mengadakan beberapa program latihan untuk kakitangannya sejarah dengan program membina semangat MRCB ke arah kecemerlangan.

### **MRCB Utama Sdn. Bhd.**

Tahun 2004 merupakan satu tahun yang amat sibuk bagi MRCB Utama Sdn. Bhd. (MRCB Utama), anak syarikat milik penuh Kumpulan. Sepanjang tahun tersebut, MRCB Utama telah menyiap dan menyerahkan kunci kepada 468 para pemilik unit di Kajang Utama. Kajang Utama adalah sebuah pembangunan kediaman bercampur-campur yang strategik, terletak antara Kajang dan Putrajaya dan mempunyai laluan sambungan terus ke Lebuhraya SILK.

Pada bulan April 2004, 109 unit Parsel 1 Peak 208 telah diserahkan kepada para pemiliknya, diikuti dengan 99 unit Parsel 2 pada bulan Julai 2004. Peak 208 meliputi 208 unit rumah teres dua tingkat yang cantik, manakala 66 unitnya dibina dengan mempunyai dua halaman.

Parsel Pangsapuri Kedai Kayangan yang terdiri daripada 260 unit pangsapuri dan 44 unit kedai telah berjaya disiap dan diserahkan kepada para pembelinya pada bulan September 2004. Pangsapuri dengan keluasan binaan dalam minimum 712 kaki persegi telah dijual pada harga yang berpatutan sebanyak RM54,000 seunit dan ia adalah kediaman yang mampu dimiliki. Oleh sebab itu, semua unit habis dijual dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pelancarannya.



#### **MRCB Utama Sdn. Bhd. (continued)**

During the year, the Company is also progressing with the construction of 210 units of smart home apartment units. Sutera Apartment is the first-ever smart home living concept introduced in Kajang for medium cost dwellings. The smart home concept comes with both standard and optional features. Standard features include automated lights and power points plus a CCTV and an alarm system. Homeowners can upgrade the standard features by adding optional features, which include motion and sunray detectors.

In Melaka, MRCB Utama's maiden project, Taman Seri Serkam, comprising 99 units of low cost houses and 125 units of medium cost houses were successfully completed and handed over to home owners in February 2004. This residential development is a joint-venture with MAIM Holdings Berhad.

#### **MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd.**

MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. is the owner and manager of two distinctive property landmarks in Shah Alam namely Menara MRCB, the 21-storey office block with over 200,000 sq.ft of lettable area and Plaza Alam Sentral, the biggest shopping centre in Shah Alam with a total lettable area of over 420,000 sq. ft.

#### **Menara MRCB**

Menara MRCB is currently 100% tenanted which is indeed very commendable given the over supply of office space. Tahan Insurance is the major external tenant occupying over 50% of the lettable area. Other notable tenants are Bank Bumiputra Commerce and Bank Islam. Menara MRCB's ability to maintain high occupancy rates is expected to further enhance the value of the property.

#### **Plaza Alam Sentral**

Aggressive marketing efforts conducted in 2004 have helped boost Alam Sentral's occupancy rate to over 80%. The latest single tenant, Registrar of Companies (ROC), has taken up a total area of 24,740 sq. ft.

Alam Sentral's management will continue to pursue its aggressive marketing activities to create greater awareness about the shopping centre's key advantages. This includes having an on-going advertising and promotion campaign that is targeted to attract more consumers with higher purchasing power and potential tenants with established brands. The recent changes that were made to reorganise the layout of the common areas have not only helped improve the ambience of the shopping centre but in the process, also opened up greater income-generating opportunities.

### **MRCB Utama Sdn. Bhd. (sambungan)**

Pada tahun ini, MRCB Utama juga sedang rancak membina 210 unit pangsapuri kediaman pintar. Pangsapuri Sutera merupakan satu-satunya kediaman kos sederhana berkonsep pintar yang pertama diperkenalkan di Kajang. Konsep kediaman pintar ini menyediakan dua ciri pilihan iaitu ciri piawai dan ciri pilihan. Ciri piawai meliputi lampu, titik kuasa automatik dan CCTV serta sistem penggera. Pemilik kediaman boleh menaiktaraf ciri piawai dengan menambah ciri-ciri pilihan lain yang meliputi pengesan pergerakan dan sinaran cahaya matahari.

Projek pertama MRCB Utama di Melaka iaitu Taman Seri Serkam yang meliputi 99 unit rumah kos rendah dan 125 unit rumah kos sederhana berjaya disiap dan diserahkan kepada para pemiliknya pada bulan Februari 2004. Pembangunan kediaman ini adalah usahasama di antara MRCB Utama dengan MAIM Holdings Berhad.

### **MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd.**

MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. adalah pemilik dan pengurus dua buah harta tanah mercutanda yang terkemuka di Shah Alam. Harta tanah tersebut merangkumi Menara MRCB yang merupakan sebuah blok pejabat 21 tingkat dengan ruang boleh disewakan seluas lebih 200,000 kaki persegi dan Plaza Alam Sentral yang merupakan sebuah pusat membeli-belah terbesar di Shah Alam dengan ruang boleh disewakan seluas lebih 420,000 kaki persegi.


### **Menara MRCB**

Kini, Menara yang MRCB telah 100% disewakan, berjaya mengatasi kebiasaan pasaran yang sedang menghadapi lebihan bekalan ruang pejabat. Tahan Insurance merupakan penyewa luar yang menghuni lebih 50% daripada ruang yang boleh disewakan. Penyewa lain meliputi Bank Bumiputra Commerce dan Bank Islam. Menara MRCB akan terus menikmati kadar penghunian tinggi yang seterusnya akan membantu menjana nilai yang lebih tinggi kepada harta tanah tersebut.

### **Plaza Alam Sentral**

Usaha pemasaran yang dijalankan secara agresif pada tahun 2004 telah membantu melonjakkan kadar penghunian di Alam Sentral kepada lebih 80%. Pendaftar Syarikat (ROC) merupakan penyewanya yang terbaru dan terbesar yang memenuhi ruang seluas 24,740 kaki persegi.

Pengurusan Alam Sentral akan meneruskan kempen pemasaran dan komunikasi secara agresif bagi mewujudkan tahap kesedaran yang lebih tinggi supaya ia dapat menampilkannya sebagai sebuah pusat membeli-belah yang mempunyai kelebihan daya saing. Usaha ini meliputi kempen pengiklanan dan promosi berterusan yang bertujuan untuk menarik tahap kunjungan pengguna berkuasa beli lebih tinggi dan bakal penyewa yang memegang jenama terkemuka. Perubahan yang melibatkan penyusunan semula susun atur ruang legarnya baru-baru ini bukan sahaja telah mempertingkatkan suasana di sekeliling pusat membeli-belah itu, malah pada masa yang sama, telah membuka lebih banyak peluang yang menjana lebih banyak pendapatan kepada para penyewanya.



### **Plaza Alam Sentral (continued)**

Alam Sentral intends to enhance its reputation as a shopping centre in Shah Alam that offers a differentiated specialty product mix. Towards this end, there is a concerted effort to secure tenants, in particular various specialty retail outlets, whose products appeal to the discerning taste of a growing middle class market residing in and around the vicinity of Shah Alam. In 2005, Alam Sentral will open the biggest IT and digital lifestyle centre in Shah Alam.

A total area of 40,000 sq. ft. has been allocated within the shopping centre to establish an electronic and electrical retail centre comprising various outlets that specialise in electronics, electrical and IT products. Leveraging on the strength of housing the largest IT centre, Alam Sentral is well poised to serve the growing needs of consumers, particularly those residing in the Subang/Klang vicinity. Full occupancy is expected by June 2005.

As a quality-driven company, MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. (MSCSB) has always been mindful of the need to ensure superior customer satisfaction. In 2004, MSCSB attained the ISO 9001:2000 Accreditation from UKAS for quality commercial and residential property management services. The attainment of this internationally recognised and highly coveted quality certification bears ample proof to the Company's ability to continuously raise its level of service.

## **Engineering & Construction Division**

It is heartening to report that despite operating in an extremely competitive environment, the Engineering and Construction Division ("E&C") managed to secure RM434 million worth of projects for the year under review. Revenue, comprising mainly new projects, increased by 77% as compared to the previous year. This was primarily due to the Division's pro-active approach with government agencies and related companies within the Group to secure projects. Efforts were also made to secure contracts through open tenders.

During the year, MRCB divested its entire interest in Zelleco (M) Sendirian Berhad which holds a 75% equity in Zelleco Construction Sdn. Bhd. for a consideration of RM41.8 million.

Moving forward, the Division will continue to adopt various strategies to increase its order book. These include intensifying our face-to-face approach with government agencies and related companies and exploring joint venture development prospects with land owners, leveraging on the Division's proven track record in the construction sector. Mention must be made of the reality that the need to venture overseas is no longer an option but a necessity to ensure the Division's long-term sustainability. This is because of an extremely competitive environment that has been further exacerbated due to limited infrastructure development projects in Malaysia. Plans are in store to establish joint ventures and strategic alliances to tap increasing opportunities, particularly in the energy and infrastructure sectors, in developing countries and the Middle East.



### **Plaza Alam Sentral (sambungan)**

Alam Sentral bertekad untuk mempertingkatkan reputasinya sebagai satu-satunya pusat membeli-belah di Shah Alam yang menawarkan pelbagai produk tertentu yang berlainan dan istimewa. Bagi mencapai matlamat tersebut, usaha gigih telah dilaksanakan untuk menarik para penyewa, terutamanya penyewa beraneka gedung istimewa yang dapat menepati citara pasaran kelas menengah di dalam dan di sekitar Bandaraya Shah Alam. Pada tahun 2005, Alam Sentral akan membuka pusat teknologi maklumat dan digital terbesar di Shah Alam.

Ruang seluas 40,000 kaki persegi telah diperuntukkan di pusat membeli-belah ini untuk dijadikan sebuah gedung barang elektrik dan elektronik yang terdiri daripada kedai-kedai yang menjual produk elektronik, elektrik dan perisian teknologi maklumat. Dengan memanfaatkan kedudukannya sebagai pusat Teknologi Maklumat terbesar, Alam Sentral akan mampu memenuhi keperluan pengguna yang semakin meningkat, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan Subang/Kelang. Pusat ini dijangka akan menikmati kadar penghunian penuh menjelang bulan Jun 2005.

Sebagai sebuah syarikat yang komited terhadap kualiti, MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. (MSCSB) sentiasa peka terhadap keperluan untuk memastikan pelanggan mencapai tahap kepuasan yang terbaik. Pada tahun 2004, MSCSB berjaya memperolehi Akreditasi ISO 9001:2000 daripada UKAS bagi perkhidmatan pengurusan harta tanah perdagangan dan kediaman. Pencapaian pengesahan kualiti yang diiktiraf dan diperakui di peringkat antarabangsa ini cukup untuk membuktikan kemampuan Syarikat mempertingkatkan tahap perkhidmatannya secara berterusan.



### **Bahagian Kejuruteraan & Pembinaan (sambungan)**

Pada tahun ini, MRCB telah menjual keseluruhan kepentingannya dalam Zelleco (M) Sendirian Berhad yang juga memiliki 75% kepentingan ekuiti dalam Zelleco Construction Sdn. Bhd., dengan bayaran sebanyak RM41.8 juta.

Sebagai langkah ke hadapan, Bahagian ini akan terus mengamalkan pelbagai strategi untuk meningkatkan lagi buku tempahan kerjanya. Ini termasuk memperhebatkan pendekatan berurus terus dengan pelbagai agensi dan syarikat kerajaan serta meneroka prospek pembangunan secara usahasama dengan pemilik tanah di samping memanfaatkan rekod pencapaian Bahagian dalam sektor pembinaan. Kita juga harus menerima hakikat bahawa langkah meluaskan penglibatan perniagaan ke luar negara bukan lagi merupakan satu pilihan, tetapi sebaliknya satu keperluan bagi memastikan Bahagian ini terus menikmati pertumbuhan mampan dalam jangkamasa panjang. Ini adalah disebabkan oleh persekitaran yang penuh saingen yang bertambah sukar akibat kekurangan projek pembangunan infrastruktur di Malaysia. Rancangan sudah diatur untuk mewujudkan usahasama dan permuafakatan strategik bagi merebut peluang yang semakin meningkat, terutamanya dalam sektor tenaga dan infrastruktur, di beberapa buah negara sedang membangun dan di Timur Tengah.

## **Bahagian Kejuruteraan & Pembinaan**

Pencapaian Bahagian Kejuruteraan dan Pembinaan ("E&C") adalah amat membanggakan walaupun beroperasi dalam persekitaran yang penuh persaingan. Bahagian E&C mampu mendapatkan kontrak untuk projek bernilai RM434 juta pada tahun yang ditinjau. Hasil yang diperolehi, sebahagian besarnya merangkumi projek-projek baru, mencatatkan peningkatan sebanyak 77% berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Kejayaan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pendekatan proaktif yang dilaksanakan oleh Bahagian ini terhadap pelbagai agensi serta syarikat kerajaan demi mendapatkan projek. Usaha lain juga sudah dijalankan untuk mendapatkan kontrak melalui tender terbuka.



## **Commercial & Infrastructure**

MRCB Engineering Sdn. Bhd., which spearheads the Division's commercial and infrastructure construction activities, commenced construction of Plaza Sentral 2 and Lot N. These are the latest commercial office blocks that are being constructed within the Kuala Lumpur Sentral development. Plaza Sentral 2 is well on track for completion by February 2006.

The Division has received Letters of Award to undertake the Federal Route 5 – Ipoh-Lumut and Sabak Bernam-Changkat Jering upgrading of highways. Of the two projects, work has already commenced on the upgrading of the Ipoh-Lumut highway, a RM175 million project. The Division is also actively holding discussions with the Ministry of Health to secure the Permai Psychiatric Hospital construction project.

## **Residential**

Milmix Sdn. Bhd. (Milmix) secured a contract to construct 32 units of shop offices and 73 units of medium cost double-storey terrace houses at Bandar Seri Iskandar (BSI), Perak Darul Ridzuan. BSI is a development project undertaken by Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd., a joint-venture company between Malaysian Resources Development Sdn. Bhd., a subsidiary of MRCB and the Perak State Development Corporation (PKNP). Milmix is on schedule to meet delivery deadline of all units in 2005.

## **Residential (continued)**

Given the constraints of operating in a highly competitive environment, Milmix is expected to focus on negotiated projects and joint-venture developments to ensure higher returns, which include sourcing more construction projects from the Group and exploring the large land bank that has been earmarked for development.

## **Transmission and Distribution**

During the year under review, the Energy Division, through Transmission Technology Sdn. Bhd., secured additional work involving underground cabling and new contract for Supervisory Control And Data Acquisition (SCADA) which are linked to the Sabah East-West 275kV Grid Interconnection project. Presently, 60% of the Sabah East-West 275kV project has been completed. However, the completion of the overall project has been extended to 2006 due to Sabah Electricity Sdn. Bhd's decision to relocate the Kasigui sub-station to a site at Kolopis in view of severe flooding that has occurred at the present site.

The Division also actively participates in local and international tenders and is currently awaiting the awarding of the 275kV Transmission Line Kelemak-Melaka.

The Company is ever mindful of the need to ensure staff safety at all times. As such, a safety awareness campaign was held from 6 to 9 September 2004 specifically for those involved in the construction of 275kV transmission Lines and Substation. The objectives of the campaign were to instil greater safety and health awareness among staff and workers and to ensure that the dissemination of information on safety and health aspects through various communication channels is reaching the target groups.



### Perdagangan & Infrastruktur

MRCB Engineering Sdn. Bhd., yang mengembangkan aktiviti perdagangan dan infrastruktur Bahagian ini telah memulakan pembinaan Plaza Sentral 2 dan Lot N. Kedua-dua pembangunan ini merupakan blok pejabat perdagangan terkini yang sedang dibina dalam pembangunan Kuala Lumpur Sentral. Plaza Sentral 2 sedang dibina mengikut jadual untuk disiapkan pada bulan Februari 2006.

Bahagian ini telah menerima dua Surat Serah Kerja untuk menaiktaraf lebuhraya Laluan 5 Persekutuan – Ipoh-Lumut dan juga Sabak Bernam-Changkat Jering. Antara keduanya projek tersebut, kerja bagi projek menaiktaraf Lebuhraya Ipoh-Lumut bernilai RM175 juta ini telah pun dimulakan. Bahagian ini juga sedang mengadakan perbincangan secara aktif dengan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan projek pembinaan Hospital Pesakit Jiwa Permai.

### Kediaman

Milmix Sdn. Bhd. (Milmix) telah berjaya mendapatkan kontrak untuk membina 32 unit kedai pejabat dan 73 unit rumah teres dua tingkat kos sederhana di Bandar Seri Iskandar (BSI), Perak Darul Ridzuan. BSI adalah sebuah projek pembangunan yang dijalankan oleh Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd., sebuah syarikat usahasama di antara Malaysian Resources Development Sdn. Bhd., anak syarikat MRCB dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Kerja yang dijalankan oleh Milmix menepati rancangan penyerahan semua unit yang telah dijadualkan pada tahun 2005.




### Kediaman (sambungan)

Dengan persekitaran operasi yang mencabar, Milmix dijangka akan memfokus tumpuan kepada projek yang diperolehi secara rundingan dan projek pembangunan secara usahasama bagi memastikan pencapaian pulangan yang lebih tinggi termasuklah mendapatkan sumber projek pembinaan daripada Kumpulan. Di samping itu, Milmix akan mengenalpasti tanah simpanan yang akan dibangunkan.

### Penghantaran dan Pembahagian

Pada tahun yang ditinjau, Bahagian Tenaga melalui anak syarikatnya, Transmission Technology Sdn. Bhd., telah mendapat satu lagi kerja yang melibatkan pemasangan kabel bawah tanah dan kontrak baru untuk Kawalan Penyeliaan Dan Pemerolehan Data (SCADA) yang dihubungkan ke projek Sambungtara Grid 275kV Timur-Barat Sabah. Kini, 60% daripada projek 275kV Timur-Barat Sabah telah disiapkan. Walau bagaimanapun, penyiapan keseluruhan projek itu telah dilanjutkan ke tahun 2006 berikutan keputusan Sabah Electricity Sdn. Bhd. untuk memindahkan stesen pencawang Kasigui ke sebuah tapak di Kolopis, memandangkan tapak sedia ada sering banjir teruk.

Bahagian ini juga mengambil bahagian secara aktif dalam tender tempatan dan antarabangsa dan kini sedang menunggu pemberian projek Talian Penghantaran 275kV Kelemak-Melaka.



# Infrastructure & Concessions Division

The Division is involved in the privatisation of the Duta-Ulu Kelang Expressway project, an 18-km highway linking Jalan Duta and Hill View, Ulu Kelang, and Sentul Pasar to the Karak Highway. A concession agreement was signed in August 2004 between the Government of Malaysia and the concession company, Konsortium Lebuhraya Utara Timur Sdn. Bhd. About 30% of the total construction works will be undertaken by MRCB in line with its equity holding in the concession company. Work is expected to commence in June 2005.

In addition, the Division is also looking at other long-term infrastructure based projects including the proposed development of a privatised highway in Johor Bahru, and a campus for higher education based on the Public-Private Partnership concept, both of which are currently pending Government's approval.



## Infrastructure & Concessions Division (continued)

MRCB Environment Sdn. Bhd., a 55% owned subsidiary of MRCB Environmental Services Sdn. Bhd. which spearheads the Division's environmental services, coastal and river rehabilitation & protection, has successfully completed a pilot beach rehabilitation project at Teluk Cempedak, Pahang, in July 2004. Completed ahead of the original schedule, the project was undertaken using a Pressure Equalization Module System in combination with sand nourishment. The project, which is currently in the maintenance and monitoring stage until 2007, was issued a Certificate of Practical Completion in November 2004.

The Company has also received a Letter of Intent to undertake another beach rehabilitation project at Pulau Tioman. There are also on-going negotiations on various proposals that have also been submitted to provide total beach and river rehabilitation solutions in other states including Terengganu, Johor and Pahang.

Going forward, the Division will continue to focus on the development of long term income generating business for the Group by exploring and pursuing new opportunities in the infrastructure and other environmental related sectors.





### Penghantaran dan Pembahagian (sambungan)

Syarikat sentiasa peka terhadap keselamatan kakitangan. Oleh yang demikian, sebuah kempen kesedaran keselamatan telah diadakan dari 6 hingga 9 September 2004, khusus untuk mereka yang terlibat dalam pembinaan Talian Penghantaran dan Stesen pencawang 275kV. Objektif kempen ini adalah untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan di kalangan kakitangan dan juga pekerja di samping memastikan penyebaran maklumat mengenai pelbagai aspek keselamatan dan kesihatan melalui saluran komunikasi sampai kepada kumpulan sasar.

## Bahagian Infrastruktur & Konsesi

Bahagian ini terlibat dalam penswastaan projek Lebuhraya Duta-Ulu Kelang, iaitu sebuah lebuhraya sejauh 18 km yang menghubungkan Jalan Duta ke Hill View, Ulu Kelang dan Sentul Pasar ke Lebuhraya Karak. Sebuah perjanjian konsesi telah ditandatangani pada bulan Ogos 2004, antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi, Konsortium Lebuhraya Utara Timur Sdn. Bhd. Sebanyak 30% daripada jumlah keseluruhan kerja pembinaan projek lebuhraya ini akan dijalankan oleh MRCB, selaras dengan pegangan ekuitinya dalam syarikat konsesi tersebut. Kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan Jun 2005.

### BAHAGIAN INFRASTRUKTUR & KONSESI (sambungan)

Di samping itu, Bahagian ini juga sedang mencari beberapa projek berdasarkan infrastruktur jangka panjang, termasuk cadangan penswastaan pembangunan sebuah lebuhraya di Johor Bahru dan sebuah kampus pusat pengajian tinggi berkonsepkan Perkongsian Sektor Awam-Swasta. Kedua-duanya kini sedang menunggu kelulusan pihak Kerajaan.

MRCB Environment Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat yang 55% kepentingannya dimiliki oleh MRCB Environmental Services Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk mengembangkan projek perkhidmatan alam sekitar, pemulihan & perlindungan pesisiran pantai dan sungai, telah berjaya menyiapkan sebuah projek perintis pemulihan pesisir pantai di Teluk Cempedak, Pahang, pada bulan Julai 2004. Projek yang disiapkan lebih awal daripada yang dijadualkan ini telah dilaksana dengan menggunakan Sistem Modul Penyamaan Tekanan dengan kombinasi pemeliharaan pasir. Projek yang kini berada di peringkat penyelenggaraan dan pemantauan sehingga tahun 2007 ini telah diberikan Sijil Siap Praktikal pada bulan November 2004.

Syarikat juga telah mendapat Surat Hasrat untuk menjalankan satu lagi projek pemulihan pantai di Pulau Tioman. Beberapa rundingan juga sedang dijalankan mengenai cadangan untuk menyediakan penyelesaian pemulihan pantai dan sungai secara menyeluruh yang telah diserahkan kepada beberapa negeri lain seperti Terengganu, Johor dan Pahang.

Sebagai langkah menuju ke hadapan, Bahagian ini akan terus memfokus tumpuannya kepada pembangunan perniagaan yang menjana pendapatan jangka panjang untuk Kumpulan dengan meneroka dan mencari pelbagai peluang baru dalam sektor infrastruktur dan sektor-sektor lain yang berkaitan dengan alam sekitar.



## IT Infrastructure, Telecommunications & Intelligent Systems

In 2004 MRCB Technologies (MRCBTech) adopted a very aggressive approach in marketing its services to more organisations. Aside from providing existing IT support services to the MRCB Group, MRCBTech relentlessly pursued ICT Infrastructure, Telecommunications and Intelligent System external projects.

In the IT Services and Infrastructure sector, there has been significant progress made. On 4 September 2004, MRCBTech signed a Memorandum of Understanding (MOU) with 3ntity to jointly develop a MRCB CRM (Customer Relationship Management) project. The system, presently used by Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd., will eventually be implemented in other subsidiaries. Other projects include the successful migration of the Group's e-mail server to Microsoft Exchange 2003 to enable web outlook access and enhance communications, and upgrade to a newer SAP ERP platform for the Group. As a result of MRCBTech's aggressive marketing efforts, the Company secured two external projects. Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) awarded the first project to supply and

commission additional Storage Area Network (SAN) components, both of which were successfully implemented. The second project was awarded by SOCSO on 25 May 2004 to supply and commission computer peripherals to its offices, nationwide.

MRCBTech was also successful in securing several new projects in the Telecommunications and Intelligent Systems sector. The Company was awarded turnkey contracts to design, supply, implement and commission in-building mobile systems at Kuala Lumpur Sentral (Hilton Kuala Lumpur, Le Meridien Kuala Lumpur, Plaza Sentral office towers) and Plaza Alam Sentral to ensure effective coverage for Celcom, Maxis and Digi users. Other projects include the implementation of a broadband infrastructure to enhance fixed and wireless capabilities throughout the Kuala Lumpur Sentral development on behalf of Maxis and TTdotCom and enhancing a Closed Circuit Television (CCTV) system at Plaza Alam Sentral. MRCBTech was also awarded contracts by Universiti Putra Malaysia to supply and install an Access Control System using biometrics.

# Infrastruktur IT, Telekomunikasi & Sistem Pintar

Pada tahun 2004 MRCB Technologies (MRCBTech) telah mengamalkan pendekatan agresif untuk memasarkan perkhidmatannya kepada lebih banyak organisasi. Di samping menyediakan perkhidmatan sokongan IT yang sedia ada kepada Kumpulan MRCB, MRCBTech turut berusaha gigih untuk mendapatkan peluang projek luar yang berkaitan dengan Infrastruktur ICT, Telekomunikasi dan Sistem Pintar.

Sektor Perkhidmatan dan Infrastruktur IT mencatatkan kemajuan ketara pada tahun ini. Pada 4 September 2004, MRCBTech telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan 3ntity untuk bersama-sama membangunkan projek CRM (Pengurusan Perhubungan Pelanggan) MRCB. Sistem yang kini digunakan oleh Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. ini akhirnya nanti akan dilaksanakan di anak-anak syarikat lain. Beberapa projek lain yang dijalankan termasuk kejayaan migrasi pelayan e-mel Kumpulan ke Microsoft Exchange 2003 untuk membolehkan keupayaan penggunaan web 'outlook access' dan mempertingkatkan komunikasi serta menaiktaraf platform SAP ERP kepada yang lebih baru untuk Kumpulan. Pemasaran secara agresif yang dijalankan oleh MRCBTech telah membolehkan syarikat ini mendapat dua projek luar. Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) telah memberikannya projek untuk membekal dan mentauliah komponen Rangkaian Kawasan Simpanan (SAN) tambahan, dan kedua-duanya telah berjaya dilaksanakan. Projek kedua diberi oleh PERKESO pada 25 Mei 2004 untuk membekal dan mentauliah persian komputer untuk beberapa pejabatnya di seluruh negara.

MRCBTech juga berjaya mendapat beberapa projek baru dalam sektor Telekomunikasi dan Sistem Pintar. Syarikat telah diberi beberapa kontrak 'turnkey' untuk merekabentuk, membekal, melaksana dan mentauliah sistem mudah alih binaan dalaman di Kuala Lumpur Sentral (termasuk Hilton Kuala Lumpur, Le Meridien Kuala Lumpur dan Menara pejabat Plaza Sentral) dan juga Plaza Alam Sentral untuk memastikan pengguna perkhidmatan Celcom, Maxis dan Digi mendapat liputan yang berkesan. Projek-projek lain termasuk pembinaan infrastruktur 'broadband' (jalur lebar) untuk mempertingkatkan keupayaan talian tetap dan tanpa dawai di seluruh pembangunan Kuala Lumpur Sentral bagi pihak Maxis dan TtdotCom. MRCBTech juga diberi projek menaiktaraf sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV) di Plaza Alam Sentral. Selain itu, MRCBTech juga telah mendapat kontrak oleh Universiti Putra Malaysia untuk membekal dan memasang sebuah Sistem Kawalan Akses menggunakan biometriks.



## AWARDS AND RECOGNITION

## ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

As one of the leading property and engineering & construction players in the country, MRCB advocates the highest level of excellence in developing all its projects, which in turn will benefit its clients, purchasers and business partners.

MRCB's depth of technical and technological expertise, which underpins the Group's array of credentials is further strengthened by the attainment of quality certifications; recognized by highly renowned local and international quality certification authorities.

Sebagai salah satu daripada peneraju harta tanah dan kejuruteraan & pembinaan utama negara, MRCB menekankan kepentingan piawaian tertinggi untuk semua projek yang dilaksanakannya, yang mana akan memanfaatkan para pelanggan, para pembeli dan rakan-rakan niaganya.

Kepakaran MRCB dalam bidang teknikal dan teknologi jelas menunjukkan keupayaan Kumpulan; diperteguhkan lagi dengan pencapaian sijil pengiktirafan piawaian kualiti yang diiktiraf oleh badan-badan piawaian kualiti negara dan juga di peringkat antarabangsa.





# PROPERTY DEVELOPMENT/ BAHAGIAN HARTANAH

## Semasa Sentral Sdn. Bhd.

- Certification to MS ISO 9001:2002 QMS
- Best participant at Police Reserve External Training Course Series 3/2003 at PULAPOL, Muar
- Public Toilet Cleanliness Competition, Kuala Lumpur 2003 (1st Prize)
- Transportation Project Award by Eastern Asia Society of Transportation Studies
- Pensijilan bagi MS ISO 9001:2002 QMS
- Peserta Terbaik Latihan Luar Kursus Asas Polis Bantuan Siri 3/2003 di PULAPOL, Muar
- Pertandingan Kebersihan Tandas Awam Kuala Lumpur 2003 (Tempat Pertama)
- Anugerah Projek Pengangkutan oleh Eastern Asia Society of Transportation Studies

## Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd.

- Finalist at FIABCI-International Prix D'Excellence 2003
- FIABCI-Malaysia Award of Distinction 2002 for Specialised and Public Sector Category
- PAM Excellence Winner
- Honorary Mention for Excellence in Architecture (PAM)
- Peserta peringkat akhir bagi FIABCI-International Prix D'Excellence 2003
- Anugerah Kecemerlangan FIABCI-Malaysia 2002 bagi Kategori Khusus dan Sektor Awam
- Pemegang Anugerah Kecemerlangan PAM
- Anugerah Kehormat bagi Kecemerlangan Seni Bina (PAM)

# ENGINEERING & CONSTRUCTION/ KEJURUTERAAN & PEMBINAAN

## Transmission Technology Sdn. Bhd.

### Accreditation/Akreditasi

- MS ISO 9001:2000

### Licences/Lesen

- PKK Class 1
- CIDB G7
- Petronas, TNB, SESB
- Ministry of Finance, Malaysia

## Milmix Sdn. Bhd.

### Licence/Lesen

- CIDB G7

## MRCB Engineering Sdn. Bhd.

### Accreditation/Akreditasi

- MS ISO 9001:2000

### Licences/Lesen

- PKK Class A
- CIDB G7
- MS ISO 9001:2000
- KPK Class D

# INFRASTRUCTURE & CONCESSIONS INFRASTRUKTUR & KONSESI

## MRCB Prasarana Sdn. Bhd.

### Licence/Lesen

- CIDB G7



registered with/berdaftaf dengan:





Caring for our

# Customers

Prihatin terhadap Pelanggan kami

Our Customer Relationship Management (CRM) initiative has helped the Group to remain competitive by developing high quality products and services. We are developing a new Customised CRM Solution that meets customers' expectations and help gain their trust with regards to our quality assurance.

Pengurusan Hubungan Khidmat Pelanggan adalah antara usaha utama Kumpulan untuk kekal kompetitif dalam membina produk dan memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi. Kumpulan sedang mencipta program terbaru Hubungan Khidmat Pelanggan untuk memenuhi keperluan pelanggan kami di samping mendapat kepercayaan mereka terhadap piawaian kualiti produk dan perkhidmatan kami.



# Caring for our Employees

Prihatin terhadap Kakitangan kami

Nurturing a corporate culture of passion for excellence, our employees are the drivers of the Group's growth and success. Towards this end, the Group is committed to develop our human resources via employee training, career development and active sharing of knowledge as well as skills for our employees' benefit. As a caring employer, we offer a competitive remuneration & benefits package including share options to attract and retain outstanding employees.

Dengan penerapan budaya korporat – “keazaman untuk berjaya”; seluruh warga kerja kami adalah peneraju dalam pertumbuhan dan kejayaan Kumpulan. Justeru itu, Kumpulan komited untuk membangunkan sumber manusia kami melalui latihan, kerjaya dan perkongsian aktif ilmu serta skil demi kepentingan para kakitangan kami. Sebagai majikan yang prihatin, kami menawarkan pakej ganjaran dan faedah yang kompetitif termasuk saham syarikat untuk menarik dan mengekalkan kakitangan terbaik kami.



Caring for our

# Community

Prihatin terhadap Masyarakat kami

As a responsible corporate citizen, we are mindful of the importance of implementing good environmental management practices in ensuring compliance of the Group's business activities in communities and markets that we serve. Equally, we are actively involved in social activities that contribute towards the poor and the needy as well as for disaster victims. Our corporate philanthropy primary focus is in the area of education, eradication of poverty and relief & rescue efforts.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kami amat prihatin terhadap kepentingan amalan pengurusan alam sekitar yang baik dalam melaksanakan projek-projek kumpulan di mana-mana komuniti dan pasaran yang kami berada. Pada masa yang sama, kami terlibat secara aktif dalam aktiviti sosial yang menyumbang kepada mereka yang kurang berkemampuan, yang memerlukan bantuan dan juga mangsa-mangsa bencana alam. Bantuan khidmat kebajikan dan sosial kami adalah dalam bidang pendidikan, aktiviti pembasmian kemiskinan dan juga usaha-usaha bantuan & menyelamat.



Caring for our

# Shareholders

## Prihatin terhadap Pemegang Saham kami

We are responsible to create significant value for all our shareholders. As a Group that emphasizes on the principles of good corporate governance, integrity and honesty, we have via our Board of Directors, put in place a proper check and balance system to ensure transparency and responsibility in the way we operate our business.

Kami bertanggungjawab untuk menaikkan nilai saham syarikat untuk semua pemegang saham. Sebagai Kumpulan yang menekankan kepentingan prinsip tadbir urus korporat, integriti dan ketelusan, kami melalui Lembaga Pengarah telah meletakkan sistem "semakan yang seimbang" untuk memastikan ketelusan dalam melaksanakan operasi perniagaan kami.

# CALENDAR OF EVENTS 2004

## KALENDAR PERISTIWA 2004



### January/Januari 2004

MRCB and its staff jointly donated goodies and cash to 40 elderly people from Rumah Grace, Klang. MRCB Group Managing Director/Chief Executive Officer, Encik Shahril Ridza Ridzuan presented the contribution.

MRCB dengan warga kerjanya telah memberi sumbangan berupa barang keperluan dan wang tunai kepada 40 warga emas dari Rumah Grace Kelang. Sumbangan ini disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Shahril Ridza Ridzuan.



### 21 February/Februari 2004

The Chief Minister of Melaka, YAB. Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam officiated the handover of keys to 224 purchasers of residential homes at Taman Seri Serkam, Melaka.

Ketua Menteri Melaka, YAB. Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam merasmikan penyerahan kunci kepada 224 pembeli kediaman di Taman Seri Serkam, Melaka.



### 27 February/Februari 2004

A Moroccan delegation led by H.E Professor Dr Najib Zerouali Quariti and representatives from Kementerian Luar Negara and Multimedia Development Corporation visited Stesen Sentral Kuala Lumpur.

Satu perwakilan dari Maghribi diketuai oleh H.E Profesor Dr Najib Zerouali Quariti dan wakil-wakil dari Kementerian Luar Negara dan Perbadanan Pembangunan Multimedia membuat lawatan ke Stesen Sentral Kuala Lumpur.



### 6 March/Mac 2004

The Menteri Besar of Perak, YAB. Dato' Seri DiRaja Mohd Tajol Rosli, Menteri Besar of Perak was the guest-of-honour at a ceremony to witness the handover of keys by SIDEC to 678 purchasers of affordable homes. To commemorate the occasion, a lucky draw of a Perodua Kancil car drew over 2,000 participants.

Menteri Besar Perak, YAB. Dato' Seri DiRaja Mohd Tajol Rosli menjadi tetamu kehormat di satu majlis penyampaian kunci oleh SIDEC kepada 678 pembeli kediaman mampu milik. Bagi meraikan majlis tersebut, satu acara cabutan bertuah telah diadakan dengan hadiah utamanya sebuah kereta Perodua Kancil telah berjaya menarik minat lebih 2,000 orang peserta.



### 6 April/April 2004

Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. (KLSSB) signed a S & P Agreement to sell its office suites at Plaza Sentral Phase 2 to Zaid Ibrahim Management Services Sdn. Bhd., spanning a total area of 72,090 sq. ft., at Block 2B.

Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. (KLSSB) telah menandatangani satu Perjanjian Jual Beli untuk menjual suite pejabatnya di Plaza Sentral Fasa 2, seluas 72,090 kaki persegi di Blok 2B kepada Zaid Ibrahim Management Services Sdn. Bhd.



## 28 April/April 2004

MRCB and UM Land Berhad (UM Land) signed an agreement to establish a joint-venture company, Panorama Prominent Sdn. Bhd. (PPSB), followed by Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. who signed a S & P Agreement with PPSB for the acquisition of approx. 900,000 sq. ft. of Lot L; to build luxury condominiums.

MRCB dan UM Land Berhad (UM Land) menandatangani satu perjanjian untuk mewujudkan sebuah syarikat usahasama, Panorama Prominent Sdn. Bhd. (PPSB), diikuti dengan termeterainya satu Perjanjian Jual Beli di antara Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. dengan PPSB bagi mengambilah tanah Lot L seluas 900,000 kaki persegi untuk membina pangsapuri mewah.



## 20 May/Mei 2004

MRCB held its 33rd Annual General Meeting.

MRCB mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke-33.



## 23 June/Jun 2004

As part of our community relation activities to promote excellence in education and assistance to needy school children, MRCB had organised three programmes. They are the Young Leaders campaign for school children, sponsorship of New Straits Times, an English newspaper to rural schools and the High Achievers' award for MRCB employees' children who attained excellent academic results.

Antara aktiviti hubungan masyarakat kami untuk mempromosi kecemerlangan dalam pendidikan dan membantu kanak-kanak sekolah yang memerlukan bantuan, MRCB telah menganjurkan tiga program iaitu kempen Pemimpin Muda untuk kanak-kanak sekolah, penajaan akhbar bahasa Inggeris, New Straits Times kepada sekolah luar bandar dan Anugerah Pencapaian Cemerlang bagi anak-anak kakitangan MRCB yang mencapai keputusan peperiksaan cemerlang.



## May to July/Mei hingga Julai 2004

MRCB Sports Carnival was held from May to July 2004. A number of sporting activities such as netball, volleyball, football, golf, bowling and ping pong were organized to foster closer ties between the management and staff.

Karnival Sukan MRCB telah diadakan bermula pada bulan Mei hingga Julai 2004. Beberapa aktiviti sukan seperti bola jaring, bola tampar, bola sepak, golf, bowling dan ping pong telah dianjurkan untuk memupuk hubungan yang lebih rapat di antara pihak pengurusan dan kakitangan.



## 5 July till 9 July/ 5 Julai hingga 9 Julai 2004

In line with its objective to enhance safety awareness amongst the staff, Transmission Technology Sdn. Bhd. organized a Safety Week campaign. There were a number of health and safety talks that were conducted by qualified personnel from MSOSH, NIOSH and Red Crescent Society. In addition, a medical exhibition and a site tour to Akademi Bomba Malaysia were organised for the staff to have better knowledge and insights.

Sejajar dengan objektifnya untuk mempertingkatkan kesedaran keselamatan di kalangan kakitangan, Transmission Technology Sdn Bhd telah menganjurkan kempen Minggu Keselamatan. Beberapa ceramah kesihatan dan keselamatan telah diadakan oleh pegawai-pegawai berkelayakan dari MSOSH, NIOSH dan Persatuan Bulan Sabit Merah. Selain itu, satu pameran perubatan dan lawatan ke Akademi Bomba Malaysia telah dianjurkan supaya kakitangan mendapat pengetahuan dan maklumat yang lebih mendalam.



## 21 & 28 July/Julai 2004

The Training & Development Department conducted a Fire Fighting and Fire Prevention training programme for floor wardens of each division/department to be better equipped in the event of a fire.

Jabatan Latihan & Pembangunan telah menjalankan satu program latihan Memadam dan Mencegah Kebakaran untuk warden aras setiap bahagian/jabatan supaya mereka lebih bersedia jika berlaku kebakaran.



## 27 July/Julai 2004

MRCB Family Day was held on 27 July 2004. Approximately 1,000 staff and their families attended this exciting and memorable event. There were tele-matches, a tug-a-war competition, games stalls and many other activities for the whole family to participate and enjoy.

Hari Keluarga MRCB telah diadakan pada 27 Julai 2004. Kira-kira 1,000 orang kakitangan dan keluarga masing-masing menghadiri acara menarik dan penuh kenangan manis. Aktiviti-aktiviti seperti sukaneka, pertandingan tarik tali, gerai permainan dan banyak lagi telah disediakan untuk semua kakitangan serta ahli keluarga mereka menyertainya.



## 10 August/Ogos 2004

MRCB Engineering Sdn. Bhd. and Jabatan Kerja Raya (JKR) signed a contract valued at RM175 million to upgrade and widen the Federal Route 5 (FR5) from Ipoh to Lumut. The guest-of-honour was the Minister of Works, YAB. Dato' Seri S. Samy Vellu.

MRCB Engineering Sdn. Bhd. dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menandatangani kontrak bernilai RM175 juta untuk menaiktaraf dan meluaskan Laluan Persekutuan 5 (FR5) dari Ipoh ke Lumut. Tetamu kehormat dalam majlis tersebut adalah Menteri Kerjaraya, YAB. Dato' Seri S. Samy Vellu.



## 12 August/Ogos 2004

MRCB via Konsortium Lebuhraya Utara Timur KL Sdn. Bhd. (KESTURI) signed a concession agreement with the Government of Malaysia to construct the Kuala Lumpur North East Expressway (KLNEE), now known as Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE), for a total contract value of RM1 billion.

MRCB melalui Konsortium Lebuhraya Utara Timur KL Sdn. Bhd. (KESTURI), telah menandatangani perjanjian konsortium dengan Kerajaan Malaysia untuk membina Lebuhraya Utara Timur Kuala Lumpur (KLNEE) atau sekarang dikenali sebagai Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) dengan jumlah nilai kontrak sebanyak RM1 bilion.



## 4 September/September 2004

MRCB Technologies Sdn. Bhd (MRCBTech) signed an Agreement with 3ntity Berhad to develop a Customer Relationship Management (CRM) system.

MRCB Technologies Sdn. Bhd. (MRCBTech) telah menandatangani satu Perjanjian dengan 3ntity Berhad untuk membangunkan sebuah Sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM).



## 20 September/September 2004

A number of staff within the MRCB Group were given training on inspection of buildings and liaising closely with purchasers in line with our effort to improve the quality of our products as well as to provide excellent customer services. The Quality Improvement Initiatives were initiated by the Project & Corporate Planning Department.

Sejajar dengan usaha kami meningkatkan kualiti produk serta memberikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, beberapa orang kakitangan Kumpulan MRCB telah diberi latihan berkaitan pemeriksaan bangunan dan juga program khidmat pelanggan. Inisiatif Peningkatan Kualiti telah dimulakan oleh Jabatan Projek & Perancangan Korporat.



## 28 September/September 2004

MRCB Engineering Sdn. Bhd. was awarded the MS ISO 9001:2000 Accreditation by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. for its Quality Management System.

MRCB Engineering Sdn. Bhd. telah mendapat Akreditasi MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi Sistem Pengurusan Kualitinya.



## 3 November/November 2004

MRCB Group gave financial assistance, both in cash and kind, to the poor and needy during the month of Ramadhan. Our Group Managing Director/Chief Executive Officer, Encik Shahril Ridza Ridzuan and staff visited Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim & Miskin Sg. Pinang in Klang to handover the Hari Raya gifts.

Kumpulan MRCB memberi bantuan kewangan, dalam bentuk tunai dan barang asas kepada golongan miskin dan yang memerlukan pada bulan Ramadhan. Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif kami, Encik Shahril Ridza Ridzuan dan kakitangan telah membuat lawatan ke Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim & Miskin Sg. Pinang, Kelang untuk menyerahkan hadiah Hari Raya tersebut.



## 22 December/Disember 2004

MRCB's year-end celebration was held in style at Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral, Shah Alam. The main attraction was the MRCB King & Queen Contest and the Golden Voice Competition. Senior citizens from three homes in Klang namely Rumah Warga Orang Tua Moab, Persatuan Kebajikan Grace Klang and Rumah Orang Tua CKS were special invitees. It was indeed a befitting celebration to honour all MRCB management and staff for their contributions as well as guests from the old folks homes.

Sambutan akhir tahun MRCB telah diadakan dengan bergaya di Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral, Shah Alam. Tarikan utama dalam acara tersebut adalah Pertandingan Raja & Ratu MRCB dan Suara Emas. Para jemputan khas terdiri daripada warga emas dari tiga buah rumah kebajikan iaitu Rumah Warga Orang Tua Moab, Persatuan Kebajikan Grace Kelang dan Rumah Orang Tua CKS. Sesungguhnya ia merupakan majlis sambutan yang gilang gemilang untuk meraikan para tetamu dari rumah kebajikan tersebut, pihak pengurusan dan juga kakitangan MRCB.